



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



KERATAN AKHBAR



KERATAN BERTARIKH: 5 FEBRUARI 2024

HARI : ISNIN

RUANGAN: NASIONAL

HALAMAN: 3

Isu buka akaun TikTok usia bawah 13 tahun dibincang

Bayan Lepas: Kementerian Pendidikan (KPM) akan mengadakan perbincangan bersama Kementerian Komunikasi berhubung isu pemilikan akaun TikTok oleh kanak-kanak berusia bawah 13 tahun.

Menterinya, Fadhlina Sidek, berkata pihaknya perlu memohon penyelarasan daripada Kementerian Komunikasi, sebelum mengeluarkan sebarang garis panduan membabitkan golongan berkenaan.

"Itu kita minta penyelarasan daripada Menteri Komunikasi, (Fahmi Fadzil) memandangkan saya memerlukan maklumat dan pedoman daripada beliau supaya kita juga boleh tengok kesan dan impaknya kepada anak kita."

"Saya pasti ada garis panduan yang perlu dipatuhi bagi memastikan kawalan itu berlaku khususnya daripada ibu bapa," katanya selepas menghadiri majlis apresiasi Tabika KEMAS Daerah Barat Daya dan Timur Laut, di sini, semalam.

Terdahulu, Fadhlina turut menyampaikan Anugerah Kanak-Kanak Cemerlang Tabika KEMAS Daerah Barat Daya dan Timur Laut kepada 107 penerima

dengan seramai 824 kanak-kanak menerima sijil graduasi masing-masing pada majlis itu.

Jumaat lalu, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil dilaporkan berkata, isu pemilikan akaun TikTok oleh kanak-kanak bawah

usia 13 tahun antara isu diperimbang untuk diutarakan kepada pengurusan platform media sosial berkenaan.

Beliau berkata, terdapat sedikit kerisauan berhubung pemilikan akaun TikTok oleh golo-

ngan terbabit selain garis panduan komuniti media sosial tersebut menyatakan kanak-kanak bawah usia 13 tahun tidak dibenarkan untuk membuka akaun di platform itu.

Fahmi turut memaklumkan be-

liau akan berbincang dengan Jabatan Peguam Negara jika perlu mengambil tindakan perundangan terhadap pengurusan TikTok berhubung pemilikan akaun oleh kanak-kanak, seperti yang dilakukan di negara luar.



Fadhlina menyampaikan Anugerah Kanak-Kanak Cemerlang Tabika KEMAS Daerah Barat Daya dan Timur Laut di Bayan Lepas, semalam. (Foto BERNAMA)

Ibadat & Fadilat

Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya Allah akan menerangi orang yang pergi ke masjid dalam kegelapan (dari setiap arah) dengan cahaya bergemerlapan pada hari kiamat." (HR Tabarani)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:26	1:35	4:56	7:30	8:42
Alor Setar	6:26	1:35	4:55	7:30	8:42
P. Pinang	6:25	1:35	4:56	7:31	8:43
Ipoh	6:22	1:33	4:54	7:30	8:41
Kuala Lumpur	6:18	1:30	4:51	7:28	8:40
Shah Alam	6:18	1:30	4:51	7:28	8:40
Johor Bahru	6:07	1:21	4:42	7:22	8:33
Kuantan	6:12	1:24	4:45	7:23	8:35
Seremban	6:16	1:29	4:50	7:28	8:40
Bandar Melaka	6:14	1:28	4:48	7:27	8:39
Kota Bharu	6:18	1:28	4:48	7:23	8:30
K. Terengganu	6:14	1:24	4:44	7:20	8:32
Kota Kinabalu	5:22	12:32	3:52	6:28	7:39
Kuching	5:42	12:56	4:17	6:57	8:08